

## [THE BELIEF CULTURE OF ARAB SOCIETIES]

### BUDAYA KEPERCAYAAN ORANG ARAB

*Amin Al-Hadi Ab. Hadi*  
*Amin97.alhadi@gmail.com*  
*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Hakim Zainal*  
*haza@ukm.edu.my*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

#### Abstrak

Budaya kepercayaan masyarakat Arab merangkumi pelbagai bentuk amalan khurafat dan tahayul yang diwarisi sejak turun-temurun. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis kepercayaan, mitos, serta amalan yang masih diterapkan dalam dunia Arab moden, di samping melihat implikasinya dari sudut pandang budaya dan keagamaan. Melalui kaedah tinjauan literatur dan analisis deskriptif, pelbagai contoh amalan khurafat seperti penggunaan tangkal, kepercayaan terhadap makhluk ghaib dan mitos berkaitan haiwan telah dikenal pasti. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan-amalan ini kekal relevan dalam beberapa komuniti pedalaman dan terpinggir, meskipun bercanggah dengan prinsip rasional moden dan agama Islam. Kajian ini menegaskan keperluan pendidikan dan pencerahan bagi menghapuskan khurafat yang boleh mencemarkan akidah serta mendidik masyarakat agar lebih kritis terhadap warisan budaya mereka. Artikel ini menyumbang kepada pemahaman yang mendalam tentang hubungan antara budaya, agama dan rasionaliti dalam kalangan masyarakat Arab.

**Kata kunci:** Budaya Arab; kepercayaan khurafat; mitos; agama Islam; amalan tradisional.

*Article Received:*  
5 December 2024

*Article Reviewed:*  
12 December 2024

*Article Published:*  
26 December 2024

#### PENGENALAN

Kepercayaan yang dimaksudkan di sini bukanlah merujuk kepada agama ataupun akidah yang dipegang oleh orang Arab. Sebaliknya, kepercayaan yang dimaksudkan merujuk kepada kepercayaan dan amalan yang diwarisi secara turun temurun dan sejak zaman berzaman yang telah menjadi sebatian dengan budaya masyarakat Arab. Kebanyakan bentuk kepercayaan sedemikian bersifat karut dan tidak masuk akal bagi masyarakat moden yang terdidik dan terpelajar. Hakikatnya, setiap masyarakat yang wujud di atas muka bumi ini mempunyai kepercayaan karut masing-masing, termasuklah masyarakat Arab.

Dalam bahasa Melayu, kepercayaan karut juga dikenali sebagai 'khurafat' dan 'tahyul'. Kedua-dua perkataan ini merupakan kata pinjaman bahasa Arab iaitu *khurafah* yang bererti khayalan, dan *takhayyul* yang membawa maksud berangan-angan dan berkhayal (al-Khalil, 2015). Kepercayaan karut, khurafat atau tahyul merujuk kepada sebarang bentuk kepercayaan atau amalan yang dianggap tidak rasional atau ghaib, dikaitkan dengan nasib atau sihir, pengaruh kuasa *supernatural*, atau ketakutan terhadap sesuatu perkara yang tidak diketahui. Ia ghalibnya melibatkan kepercayaan dan amalan yang berkisar mengenai tuah, azimat, ramalan nasib, astrologi iaitu menggunakan bintang-bintang untuk menafsirkan sesuatu perkara, roh, entiti paranormal dan kepercayaan bahawa peristiwa masa depan boleh diramalkan oleh peristiwa sebelumnya yang zahirnya langsung tidak berkaitan (Vyse, 2000).

Miqdad Salih dalam al-Basil (2016) menjelaskan bahawa khurafat ialah cerita rekaan, yang mungkin muncul dalam bentuk lagenda atau cerpen dengan mesej moral dan nilai murni, meskipun wataknya adalah raksasa atau makhluk khayalan. Cerita-cerita dongeng sedemikian, walaupun ia seperti tidak masuk akal, namun ia berkait rapat dengan fitrah dan lumrah manusia yang telah wujud sejak dahulu kala. Menurut Marsa (2003) pula, pemikiran karut bermula apabila manusia pada zaman dahulu kala mula memikirkan tentang alam di sekelilingnya, lalu mencari jalan untuk menafsirkan fenomena alam yang berlaku berdasarkan ilmu dan kefahamannya yang terbatas. Ringkasnya, kepercayaan yang bersifat karut-marut direka-reka pada zaman silam ketika minda masyarakat masih diselubungi kejahilan dan ketakutan yang tidak berasas terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

Antara istilah yang berkaitan dengan khurafat juga ialah mitos, atau *myth* dalam bahasa Inggeris. Kamus Dewan (t.th.) mentakrifkan mitos sebagai cerita tentang seseorang atau sesuatu yang tidak benar atau direka-reka. Kirk dalam Dundes (1984) pula menyatakan bahawa mitos merupakan cerita tradisional atau cerita rakyat, manakala Buxton et al. (t.th.) mendefinisikan mitos sebagai naratif simbolik yang biasanya tidak diketahui asal usulnya, bersifat tradisi, dianggap berkaitan dengan peristiwa benar serta berkait dengan kepercayaan agama. Disiplin ilmu yang membincangkan mitos disebut sebagai mitologi.

Walaupun pelbagai mitos dan kepercayaan khurafat telah disangkal oleh sains moden dan pemikiran rasional, namun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa masyarakat Arab pada zaman kontemporari ini masih terpengaruh dengan pelbagai bentuk kepercayaan khurafat. Yusuf (2010) menyebut sebuah kajian yang dijalankan oleh Watfah (2002) dan sebuah lagi kajian oleh Abu Jaziah (2006) tentang kepercayaan karut dalam masyarakat Kuwait. Dalam kajian yang pertama, didapati bahawa sebahagian besar responden mempercayai sihir dan amalan khurafat lain, bahawa wanita lebih cenderung untuk mempercayai perkara khurafat, dan anak-anak yang dibesarkan di daerah-daerah kampung lebih mempercayai khurafat berbanding mereka yang dibesarkan di kawasan bandar. Manakala kajian yang kedua mendapati sebilangan besar responden mempercayai perkara khurafat seperti kemampuan roh, jin dan hantu untuk mendatangkan mudarat fizikal kepada manusia, mengganggu pasangan suami isteri dan kehidupan berumah tangga, serta mendatangkan penyakit.

Dalam penulisan ini, beberapa aspek terpilih mengenai kepercayaan orang Arab akan dibincangkan sebagai pengenalan kepada budaya masyarakat Arab. Aspek-aspek yang terpilih tersebut ialah amalan karut dan pantang-larang dalam masyarakat Arab, cerita rakyat mengenai haiwan, makhluk khayalan dalam mitologi Arab, dan kepercayaan orang Arab mengenai petanda baik dan buruk.

## **AMALAN KARUT DAN PANTANG-LARANG**

Terdapat begitu banyak amalan karut dan pantang-larang dalam masyarakat Arab. Berikut beberapa contoh bentuk amalan karut dan pantang-larang yang tersebar dalam masyarakat di negara-negara Arab.

### **Jarum**

Menurut Ahmad Amin (2010), adalah menjadi suatu 'pantang' atau perkara yang di jauhi oleh orang Mesir pada zaman dahulu kala penjualan jarum jahitan selepas waktu Asar. Mereka percaya bahawa jika seseorang memberikan 10 sen kepada penjual jarum, maka dia tidak akan menjualnya. Hal ini disebabkan kepercayaan karut orang Mesir pada zaman itu bahawa Malaikat pembawa rezeki akan turun selepas setiap Asar, dan akan mengagihkan rezeki berdasarkan keadaan manusia yang dilihat olehnya sama ada kaya ataupun miskin.

Sekiranya manusia itu seorang yang berada, Malaikat pembawa rezeki akan memberikannya lebih banyak rezeki dan bertambahlah kekayaannya, manakala jika dia seorang yang papa, Malaikat tersebut akan memberikan bahagiannya dengan kadar yang setara dengan kemiskinannya, dan dia akan terus hidup dalam kesusahan dan kemelaratan. Orang Mesir pada zaman itu menganggap bahawa kerja seorang penjahit adalah hina, justeru adalah amat penting bagi mereka untuk tidak dilihat oleh Malaikat pembawa rezeki dalam keadaan yang sedemikian.

Selain itu, terdapat satu lagi perkara khurafat yang berkisar mengenai jarum jahitan dalam kebudayaan orang Mesir, iaitu mereka mempercayai bahawa menjahit pada waktu malam akan 'menyakitkan orang yang telah meninggal dunia'. Orang Mesir ketika itu amat tidak menyukai perbuatan menjahit pada waktu malam. Bahkan, di sesetengah kawasan perkampungan, golongan wanita begitu tegas dalam hal tersebut, dan mereka tidak akan memberi pinjam jarum jahitan mereka pada waktu petang atas apa-apa sebab sekalipun. Sekiranya mereka terdesak untuk melakukan sedemikian, mereka akan meletakkan jarum itu di atas sebuhi roti dan si peminjam akan menerima jarum tersebut yang telah diletakkan di atas buku roti itu tanpa menyentuhnya secara langsung (Ahmad Amin, 2010).

Tambahan pula, orang Mesir turut mempunyai kepercayaan tahyul mengenai jarum yang 'tidak bermata', iaitu jarum yang mempunyai kecacatan pembuatan di kilang yang menyebabkannya tidak mempunyai lubang untuk memasukkan benang jahitan. Warga tua ketika itu mempercayai bahawa jarum yang 'tidak bermata' berupaya untuk membatalkan sihir, malahan ada segelintir masyarakat yang akan menempah jarum cacat sedemikian daripada kilang. Mereka kemudiannya akan membalut jarum tersebut dengan sehelai kain lalu membungkusnya dengan kulit binatang untuk menghalau roh-roh yang jahat. Demikianlah antara kepercayaan khurafat yang berkait dengan jarum jahitan yang telah bertapak dalam budaya masyarakat orang Mesir pada zaman dahulu (Ahmad Amin, 2010).

### Penjaga

Antara bentuk kepercayaan karut yang terdapat dalam budaya Arab di Mesir ialah kepercayaan tentang makhluk halus yang disebut sebagai 'penjaga'. Ia merupakan sejenis jin yang boleh merasuk tubuh badan seseorang, dan ia boleh berperanan sebagai pelindung dalam masyarakat tradisional Mesir. 'Penjaga' mereka ini berasal dari pelbagai tempat seperti Hijaz, Najd, Sudan, Habsyah dan Maghribi. Terdapat satu upacara yang disebut sebagai *zār* yang melibatkan amalan-amalan berunsur pemujaan terhadap 'penjaga' ini, disertai dengan nyanyian, tarian dan alunan alat muzik. Setiap 'penjaga' ini juga mempunyai pakaian yang tertentu mengikut jantina dan mempunyai ketukan atau irama yang tertentu. Bomoh atau pawang yang mengetuai upacara *zār* akan memakai pakaian dan perhiasan yang tertentu berdasarkan latar belakang jin tersebut. Sekiranya 'penjaga' itu daripada orang Arab, maka pakaian, tarian dan nyanyian pada upacara ritual itu adalah berunsurkan Arab, dan begitu juga sekiranya 'penjaga' itu berasal daripada tempat-tempat lain seperti Habsyah, Sudan atau Maghribi. 'Penjaga' ini lebih banyak digunakan oleh kaum wanita dalam masyarakat Mesir kerana sifatnya yang lemah-lembut dan lebih suka mengikut perasaan berbanding lelaki (Ahmad Amin, 2010).

### Istikharah

Istikharah ialah suatu amalan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Mesir. Ia dilakukan sebagai suatu bentuk atau kaedah dalam membaca dan menilai perkara ghaib atau dalam memilih sesuatu perkara. Menurut al-Mu'jam al-Wasīṭ (1972), kalimah *istikhārah* membawa maksud mencari kebaikan dalam sesuatu perkara. Ahmad Amin (2010) mencatatkan beberapa bentuk *istikhārah* yang diamalkan oleh masyarakat Mesir.

Antaranya ialah *istikharah* dengan menggunakan seutas tasbeih yang terdiri daripada sekumpulan manik dengan bilangan yang rawak, kemudian di'ratib' manik tersebut dengan perkara yang menjadi kerisauan mereka seperti keputusan untuk melakukan sesuatu perkara atau sebaliknya. Perbuatan tersebut diulang-ulang sehinggalah ke manik terakhir yang menjadi kata putus pada pilihan mereka.

Selain itu, masyarakat Mesir juga beristikharah dengan mushaf al-Quran. Lembaran al-Quran dibuka secara rawak untuk menilik sesuatu yang berlaku dalam kehidupan harian seseorang. Mereka akan membuka mana-mana halaman dalam al-Quran mengikut gerak hati atau secara rawak, kemudian mereka akan meneliti ayat-ayat pada helaian yang dibuka lalu memilih mana-mana ayat yang dirasakan sesuai dengan situasi kehidupan mereka. Terdapat juga amalan beristikharah dengan menggunakan kertas yang ditulis 'ya' atau 'tidak', iaitu mana-mana kertas yang dipilih akan menjadi jawapan kepada pilihan mereka. Terdapat juga perbuatan beristikharah dengan menilai orang yang pertama datang bertemu dengan mereka sama ada rupa parasnya tampan atau sebaliknya (Ahmad Amin, 2010).

### Tangkal dan Azimat

Di Syria, masyarakatnya mempercayai bahawa manik biru boleh menangkis mata hasad. Kepercayaan karut ini bukan sahaja terdapat di Syria, bahkan ia didapati di banyak negara Arab. Lazimnya, manik biru dikalungkan sebagai perhiasan pada kanak-kanak perempuan. Ia juga digantung di dalam kereta, serta dilekatkan pada pakaian bayi yang baru lahir (al-'Atum, 2020).

Masyarakat di Iraq pula mempercayai bahawa manik biru dan pakaian berwarna merah boleh menghalang hasad dengki. Apabila mereka ditimpa sesuatu kesukaran atau musibah dalam hidup mereka, mereka akan mengaitkannya dengan hasad dengki. Oleh itu, mereka mengamalkan petua menggantung manik biru pada dada anak-anak mereka atau di dalam rumah mereka, selain menyiram rumah dengan air mawar, serta menggantung ladam kuda pada pintu masuk bilik-bilik rumah. Apabila anak-anak mereka mengalami demam campak, mereka akan memakaikan anak-anak mereka dengan baju berwarna merah atas sebab-sebab yang tidak diketahui (al-'Atum, 2020). Amalan menggantung ladam kuda tersebut juga boleh didapati di Maghribi (Rafiq, 2013).

Selain itu, terdapat juga amalan karut yang melibatkan kemenyan, bunga *lagunaria*, tawas, pokok sabun (*saponaria*) dan *zallouh* iaitu sejenis pokok berbunga yang berasal dari Syria, Turki dan Lubnan. Bahan-bahan tersebut biasa dijumpai di rumah-rumah di Iraq; ia kononnya untuk menghalau jin, roh jahat, hasad dan fenomena ghaib lain yang dipercayai boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri dan keluarga (al-'Atum, 2020).



Lagunaria



Saponaria



Zallouh

RAJAH 1 Jenis pokok berbunga yang berasal dari Syria, Turki dan Lubnan

Di Maghribi pula, mereka memakaikan rantai azimat yang dikenali sebagai "*khamisah*" pada tangan atau leher anak-anak perempuan mereka untuk memelihara diri mereka daripada gangguan 'ayn atau "mata jahat".

Antara petua lain yang diamalkan oleh masyarakat Maghribi untuk memelihara diri daripada “mata jahat” ialah memelihara kura-kura dan membiarkannya berlegar di sekitar rumah, memakai kalung yang diperbuat daripada gading khinzir hutan dan sebagainya (Rafiq, 2013).

## Rumah

Terdapat juga mitos dalam masyarakat Maghribi yang mengatakan bahawa bersiul di dalam rumah membawa kepada kemiskinan (Maghreb Voices, 2017). Larangan bersiul juga didapati dalam budaya lain seperti di Rusia dan Norway (Mays, 2017). Terdapat juga amalan menyiram rumah baharu dengan susu atau air mawar, atau menyembelih seekor lembu sebelum menjejakkan kaki ke rumah baharu mereka. Tujuannya adalah untuk mengusir musibah dan bala, di samping membawa rahmat dan keberkatan. Perbuatan ini diamalkan untuk memuliakan rumah tersebut dan agar diredhai kedatangan penghuni baharu (Rafiq, 2013).

Di Iraq pula, ada yang mempercayai bahawa menyapu pada waktu malam akan mengundang kemelaratan dan kemiskinan. Apabila seseorang masuk ke rumah baharu, dia hendaklah menyembelih seekor kambing dan mengagihkannya kepada mereka yang memerlukan. Dia juga mestilah membuka mushaf al-Quran pada halaman Surah al-Fatḥ dan meletakkan segelas susu atau *kefir* iaitu sejenis minuman berasaskan susu yang ditapai di atas halaman tersebut. Bagi melindungi rumah tersebut daripada gangguan sihir dan seumpamanya, penghuni rumah tersebut akan menggantung kepala kijang, patung burung atau kasut buruk pada pintu masuk rumah (Jamil, 2016).

Pantang sesetengah orang Arab apabila seseorang masuk ke dalam rumah dan meninggalkan kasutnya dalam keadaan terbalik kerana percaya ia boleh mendatangkan musibah kepada ahli rumah tersebut. Satu-satunya penawar bagi “kasut terbalik” ialah membetulkan semula kasut tersebut kepada kedudukannya yang asal atau mengalihkan kasut tersebut ke tepi sehingga hilang dari pandangan agar lenyap petanda buruk yang disebabkan oleh perbuatan tersebut (Rafiq, 2013). Pantang mengenai kasut terbalik itu boleh didapati di beberapa buah negara Arab seperti Maghribi dan Iraq (Rafiq, 2013; Jamil, 2016).

## Perkahwinan dan Rumah Tangga

Terdapat amalan karut di Syria di mana pengantin perempuan melekatkan sekeping doh atau tanah liat pada pintu masuk rumah suaminya. Jika ia melekat, maka itu satu petanda baik, manakala jika ia jatuh, maka itu satu petanda buruk. Sekiranya keadaan yang kedua berlaku, ia tidak semestinya membawa kepada perceraian, akan tetapi ia barangkali akan mengganggu ketenteraman hidup berumah tangga (al-‘Atum, 2020).

Di Algeria, ada yang mempercayai bahawa telur boleh memelihara diri daripada ‘mata jahat’ dan hasad dengki, iaitu dengan menggantung ‘telur syaitan’ iaitu sejenis perhiasan berupa telur yang diperbuat daripada kaca di bilik pengantin. Ada juga sesetengah bomoh yang akan melakukan telur kaca tersebut pada badan orang yang menjadi mangsa hasad dengki dengan memecahkan telur kaca tersebut dalam secawan air dan meletakkannya di bawah katil si mangsa (al-‘Atum, 2020).

Di Maghribi, terdapat kepercayaan bahawa pengantin perempuan boleh mengundang kebaikan atau mudarat kepada rumah suaminya. Jika dia membawa kebaikan, maka dia digelar *Umm al-Kassah* (أم الكسبة). Bagi mengelakkan kejahatan dan keburukan yang mungkin menimpa, ahli keluarga pengantin perempuan akan memecahkan telur di antara kakinya, atau meletakkan bajak kayu di dalam api dan kemudian memadamkannya dengan air, kemudian digunakan air tersebut untuk membasuh kaki pengantin perempuan, sebagai simbol bahawa pengantin perempuan akan mengisi rumah dengan “hasil tanaman” dan zuriat (Maghreb Voices, 2017).

Menurut Abdul Rahim Anabi, seorang pakar antropologi, orang Maghribi mempercayai bahawa sesiapa yang memakan *khanshush* iaitu mulut kambing pada korban Aidil Adha, nescaya pada hari perkahwinannya, cuaca akan hujan dengan kilat dan petir. Kepercayaan karut ini menyebabkan ramai orang bujang yang mengelakkan daripada memakan mulut kambing pada hari raya korban (Maghreb Voices, 2017).

### **Wanita dan Kanak-Kanak**

Di Iraq, terdapat sejenis petua karut yang seringkali diamalkan oleh ibu yang anak kecil mereka tidak henti-henti menangis. Menurut petua tersebut, sebuku roti dan sebuah cerek air akan diletakkan di atas kepala anak sewaktu mereka tidur. Tujuan perbuatan itu dilakukan adalah untuk memberi makan kepada jin atau makhluk halus yang menjaga anak tersebut agar mereka tidak menggangukannya, dan supaya anak tersebut selamat daripada kejahatan jin atau makhluk halus tersebut (al-'Atum, 2020).

Masyarakat di Syria pula pantang terhadap perbuatan mengkhitan anak mereka di rumah. Anak-anak mereka biasanya dikhatankan di rumah jiran, rumah saudara mara atau di tempat terbuka, kerana mereka percaya bahawa perbuatan khatan di rumah akan mengundang perkara yang buruk dan tidak diinginkan kepada keluarga budak tersebut. Kepercayaan sebegini merupakan suatu kebiasaan bagi masyarakat Badwi di kawasan gurun Syria atau kawasan perkampungan Hama dan Quneitra (al-'Atum, 2020).

Ada juga yang percaya bahawa kanak-kanak yang diserang penyakit yang tiada penawar, boleh disembuhkan dengan "*akarkur*", iaitu sejenis batu yang dipercayai boleh membawa kebahagiaan dan kesembuhan bagi kanak-kanak. Kepercayaan ini berleluasa di kawasan pedalaman dan kawasan pinggir bandar di Maghribi (Maghreb Voices, 2017).

Antara kepercayaan yang lazim dalam masyarakat Maghribi juga ialah mempercayai bahawa jika seorang wanita memakan anak anjing muda setelah memasaknya dengan beberapa herba, dia akan dikurniakan cahaya mata. Malah ada juga yang percaya bahawa wanita mandul boleh hamil jika dia minum campuran arak dan darah pada malam yang diterangi cahaya bulan (Maghreb Voices, 2017).

Antara kepercayaan yang aneh dalam masyarakat Algeria pula ialah melihat diri di cermin pada waktu malam boleh menyebabkan kegilaan. Ada yang berpendapat bahawa khurafat ini berasal daripada kaum Yahudi pada zaman dahulu yang menakutkan-nakutkan kaum wanita dan perempuan dari kalangan mereka agar tidak sibuk menghiaskan diri mereka di hadapan cermin (al-'Atum, 2020).

### **Makanan dan Minuman**

Menurut kepercayaan orang Iraq, terdapat sejenis mangkuk atau bekas kecil yang diperbuat daripada logam yang diletakkan di dalamnya air dan beberapa kacang seperti kismis. Hidangan itu diletakkan pada waktu malam dan dibiarkan terdedah kepada cahaya bulan, dan pada waktu pagi sebelum matahari terbit, ia diminum semasa perut kosong oleh seseorang yang percaya bahawa dia mengalami ketakutan (al-'Atum, 2020).

Mereka juga pantang apabila makanan, khususnya roti, terjatuh, kemudian dipijak walaupun secara tidak sengaja, kerana percaya Allah akan menyekat rezeki orang tersebut. Mereka turut pantang memberikan garam kepada orang lain kerana percaya bahawa ia akan membawa kemiskinan kepada ahli rumah. Antara pantang lain dalam masyarakat Iraq juga ialah meminum air daripada sungai dengan mencedoknya dengan satu tangan kerana ia akan menyebabkan syaitan ketawa (Jamil, 2016). Ada segelintir masyarakat Algeria khususnya di kawasan barat negara berkenaan yang pantang apabila pinggan mangkuk dibasuh setelah makan malam.

Mereka akan meninggalkan sisa makanan walaupun sedikit selepas makan malam dan membiarkan pinggan mangkuk berkenaan agar ia dapat dimakan oleh jin dan 'tuan' rumah. Dikatakan bahawa kepercayaan tahyul ini berasal daripada masyarakat Amazigh (al-'Atum, 2020). Mereka juga melarang perempuan daripada memakan kambing kerana percaya ia akan menyebabkan perempuan tumbuh janggut, atau menyebabkan tubuh fizikal mereka menjadi maskulin, padahal sebenarnya kaum lelaki Algeria hanya bersifat tamak dan ingin mereka sahaja yang memakan daging kambing tersebut tanpa berkongsi dengan kaum wanita dan perempuan (al-'Atum, 2020). Larangan memakan daging kambing juga didapati dalam budaya masyarakat di negara-negara lain di Afrika seperti di Rwanda (Diamond, 2018).

Di kawasan Timur Algeria, masyarakat mempercayai bahawa memakan daging lembu yang banyak menghasilkan susu boleh menyebabkan hati menjadi keras seperti batu. Dikatakan bahawa kepercayaan karut ada asal-usulnya dari Itali (al-'Atum, 2020).

### **Mandi**

Antara kepercayaan karut dalam kalangan orang Maghribi juga ialah mereka takut untuk mandi pada waktu malam kerana bimbang akan diganggu oleh roh-roh yang jahat. Tambahan lagi, ada yang mengelakkan daripada membasuh bekas air dengan air panas kerana takut akan menyebabkan kelecuman pada jin yang tinggal di saluran air dan pembedung (Rafiq, 2013).

Ada juga kepercayaan bahawa mandi di laut selepas ombak ketujuh boleh menyucikan diri daripada perkara-perkara yang membawa nasib malang. Ada juga yang mengamalkan perbuatan mandi di sebuah bilik kecil di belakang sesetengah kawasan perkuburan untuk menjauhkan diri daripada anasir-anasir jahat (Rafiq, 2013).

### **Tanqizah**

Di Maghribi, mereka amat pantang apabila seseorang melangkah seseorang yang lain ketika dia tidur, kerana mereka percaya ia akan membantutkan tumbesaran. Hal yang demikian sering berlaku di majlis keramaian di mana orang ramai berkumpul berapat-rapat dalam majlis tersebut. Sekiranya seseorang melangkah seseorang yang lain, orang itu akan diminta untuk melangkah semula orang berkenaan secara mengundur bagi membatalkan kesan buruk yang menimpa orang yang dilangkah tersebut. Perbuatan melangkah tersebut dikenali sebagai "*tanqizah*" dalam kalangan masyarakat Maghribi (Rafiq, 2013).

### **Gerhana**

Pada era 60-an dan 70-an, segelintir masyarakat di Syria dikatakan memegang kepercayaan karut bahawa gerhana matahari adalah disebabkan ikan paus yang menelan bulan. Mereka yang mempercayai perkara dongeng tersebut akan membawa pinggan dan periuk belanga lalu mengetuknya sambil berteriak: "Wahai ikan paus, tinggalkanlah bulan kami". Mereka akan terus melakukan perkara sedemikian sehinggalah ikan paus meninggalkan bulan tersebut, iaitu bulan beredar lalu menampakkan kembali sinaran matahari, menandakan gerhana telah tamat. Kepercayaan ini masih lagi dipegang oleh segelintir masyarakat di perkampungan Syria dasawarsa ini, terutamanya di bahagian timur laut dan barat daya negara berkenaan (al-'Atum, 2020).

Antara pantang larang dalam masyarakat Algeria pula ialah keluar rumah semasa gerhana matahari, kerana mereka percaya bahawa sinaran matahari ketika gerhana adalah beracun. Dikatakan bahawa ini merupakan suatu khurafat yang telah disebut dalam kitab-kitab lama, dan dipercayai ia telah lama wujud sejak Zaman Batu yang pertama, walaupun ini belum lagi dapat dibuktikan melalui kajian dan penyelidikan ilmiah (al-'Atum, 2020).

Tuntasnya, terdapat begitu banyak amalan karut dan pantang-larang dalam masyarakat Arab. Sesetengahnya berbeza dari satu negara Arab ke satu negara Arab yang lain, manakala sebahagian yang lain boleh didapati di pelbagai negara di Timur Tengah. Sesetengah amalan dan pantang-larang tersebut telah pun wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu, bahkan ada yang masih berkekalan sehingga hari ini.

## HAIWAN DALAM MITOS ARAB

Haiwan merupakan elemen penting dalam pembentukan cerita rakyat dalam masyarakat Arab. Terdapat pelbagai mitos dan cerita dongeng yang tersebar dalam masyarakat Arab yang berkisar mengenai haiwan. Berikut sekilas pandangan mengenai beberapa contoh mitos tentang haiwan dalam masyarakat Arab.

### Mitos Haiwan di Yaman

Masyarakat Yaman mempercayai bahawa ular putih itu merupakan “raja yang soleh” dan mereka tidak akan membunuhnya kerana darjatnya yang mulia. Sekiranya seekor ular putih lalu di tepi seseorang, maka orang itu dilihat sebagai seorang yang soleh. Dikatakan juga patukan ular pada awal bulan membawa maut, akan tetapi bahaya daripada patukan ular tersebut berkurangan apabila bulan semakin menghampiri penghujungnya (Faraj, 2021).

Selain itu, terdapat sebuah mitos bahawa membunuh sejenis serangga yang dikenali sebagai *bāniah al-khayr* boleh mendatangkan kemudaratkan pada seluruh keluarga. Secara harfiahnya nama gelaran serangga tersebut bermaksud “pembina kebaikan”. Serangga ini membina sarangnya daripada lumpur di celah-celah dinding dan bumbung rumah-rumah di kawasan perkampungan.

Mereka menghormati serangga ini kerana percaya bahawa ia adalah suatu petanda yang baik, bahkan mereka cukup berhati-hati agar tidak membunuh serangga tersebut atau memusnahkan sarangnya kerana khawatir ia akan membawa kepada kematian dan kecelakaan bagi seluruh ahli keluarga yang tinggal di rumah tersebut (al-Sufyani, 2021).

Ada segelintir masyarakat Yaman yang mempercayai mitos tentang sejenis serangga yang boleh menandakan kedatangan tetamu. Terdapat sejenis serangga terbang yang dikenali sebagai *al-zamr*, dan serangga ini adalah sebesar tebu, tetapi ia tidak berbahaya. Apabila serangga itu memasuki rumah, ia membawa petanda bahawa tuan rumah akan menerima kunjungan tetamu dalam masa yang terdekat (al-Sufyani, 2021).

Terdapat juga satu mitos lucu yang mengatakan bahawa terdapat tongkat nabi Musa di kerongkong sesumpah. Kanak-kanak mempercayai mitos tersebut sehinggakan ada yang akan memukul cicak tersebut sambil bertempik: “Tongkat Nabi Musa atau kami akan membunuh kamu!”, lalu mereka pun membunuh reptilia tersebut, dan semestinya tidak ada pun tongkat Nabi Musa di kerongkong binatang tersebut (al-Sufyani, 2021).

Ada juga mitos popular di Yaman yang mengatakan bahawa terdapat permata berharga yang sedang menunggu di mulut ular. Terdapat berpuluh-puluh cerita rakyat Yaman yang mengisahkan perihal orang-orang yang menjejaki ular pada waktu malam untuk mendapatkan permata berharga, dan selepas mereka membunuhnya, mereka mendapati terdapatnya permata atau berlian berharga di mulut ular ini. Ternyata ini suatu cerita dongeng yang hanya diceritakan untuk tujuan hiburan semata-mata (al-Sufyani, 2021). Masyarakat di Yaman juga mempercayai bahawa perbuatan menebang pokok dengan secara sesuka hati atau sewenang-wenangnya, atau memburu burung tanpa memakannya, akan mengakibatkan kematian ahli keluarga, atau menyebabkan kegilaan, atau juga diburu oleh makhluk halus.



Terdapat juga kisah tentang seorang lelaki yang gemar memburu burung helang sesuka hati sebagai hobi; dia ditemukan mati disembelih di kawasan pergunungan beberapa tahun selepas dia tidak lagi melakukan hobinya itu. Terdapat juga kisah tentang seorang lelaki yang menabur kepingan roti beracun di kawasan berbukit dan berbatu yang menyebabkan kematian ratusan burung, menyebabkan kematian seluruh ahli keluarga lelaki berkenaan (al-'Atum, 2020).

### Mitos Haiwan di Iraq

Masyarakat di Iraq mempercayai bahawa bunyi burung gagak yang duduk di atas pagar rumah membawa malang. Sekiranya hal ini berlaku, maka seseorang itu haruslah mengucapkan "*kheir, kheir*" bagi mengusir kejahatan. Dalam syair lama, burung gagak sering dikaitkan dengan simbol kejahatan kerana warnanya yang hitam dan bunyinya yang tidak menyenangkan (Jamil, 2016).

Selain itu, sesetengah burung seperti burung merpati, helang dan hudhud pula dikaitkan dengan rezeki dan kebahagiaan. Terdapat sebuah ungkapan dalam masyarakat Iraq apabila seseorang menunggu khabar berita yang bermaksud "Adakah ia seekor burung merpati atau gagak?". Ungkapan ini berasal daripada cerita isra'iliyyat dalam kitab Taurat bahawa Nabi Nuh pernah menghantar seekor burung gagak untuk mencari tanah, namun ia tidak kembali. Akan tetapi, apabila Nabi Nuh menghantar seekor burung merpati, ia pulang dengan sebatang ranting di paruhnya dan tanah pada kakinya (Jamil, 2016).



RAJAH 2 Burung hudhud

Lolongan anjing pula menandakan kemiskinan dan perpisahan. Mitos ini mungkin berkait dengan tingkah laku anjing yang seringkali meraung apabila tuannya meninggalkan rumah. Di samping itu, membunuh ular dalam kawasan rumah merupakan satu perbuatan yang dilarang kerana ia akan mengundang balas dendam daripada "kaum kerabatnya". Kedua-dua kepercayaan karut ini berasal daripada masyarakat Arab zaman pra-Islam (Jamil, 2016).

Kicauan burung pipit di halaman rumah pula dianggap sebagai suatu petanda yang baik. Ia menandakan kedatangan tetamu yang lama ditunggu-tunggu atau pengantin lelaki yang baik untuk anak perempuan. Dikatakan pada zaman dahulu, golongan wanita yang sedang melakukan kerja-kerja dapur seperti menapis beras akan meninggalkan kerja mereka apabila mereka menerima kehadiran tetamu di rumah, dan burung pipit akan datang untuk memakan beras itu, maka lahirlah mitos tersebut (Jamil, 2016).

### Burung Keranda

Dalam kepercayaan masyarakat Tunisia, terdapat sebuah mitos tentang sejenis burung hantu yang dikatakan mengacau bayi yang baru lahir. Ia dikenali dengan pelbagai nama dan gelaran seperti "burung kematian" atau "burung keranda" di beberapa tempat di Tunisia, "Umm al-Sibyan" di barat laut Tunisia, dan "Umm al-Dharari" di selatan Tunisia.

Dipercayai bahawa “burung keranda” tersebut akan menyelinap masuk ke tempat tidur bayi setelah terbenamnya matahari untuk menghisap lidah dan otak mereka, kemudian berdiri di atas dada mereka sehingga sesak nafas dan menyebabkan kematian anak kecil tersebut (al-‘Atum, 2020). Hakikatnya, apa yang disebut sebagai “burung keranda” tersebut merupakan sejenis burung yang hakiki dan wujud di alam fizikal. Ia adalah spesies burung hantu yang banyak didapati di Tunisia. Antara sebab masyarakat Tunisia begitu takut akan burung tersebut ialah kerana bunyinya yang menakutkan, sehingga mereka mereka-reka pelbagai cerita karut mengenai burung tersebut. Mereka juga mempercayai bahawa “burung keranda” akan mendatangkan pelbagai bentuk musibah dan bala seperti kemusnahan rumah, perceraian, bahkan kematian.

Burung tersebut dikatakan menyambar mangsanya yang kebiasaannya terdiri daripada anak-anak kecil terutamanya bayi lelaki selepas terbenam matahari, dan juga boleh mencium bau anak-anak kecil pada pakaian mereka yang disidai di ampaian. Oleh itu, para ibu biasanya akan mengangkat pakaian anak-anak mereka yang dijemur sebelum waktu malam menjelma (al-‘Atum, 2020).



RAJAH 3 Sejenis burung hantu di Tunisia yang dikenali sebagai burung keranda

Antara petua bagi mengelakkan diri daripada musibah yang dibawa oleh “burung keranda” tersebut ialah menggantung ayak pada pintu masuk rumah. Terdapat sebuah kisah yang menerangkan asal-usul petua tersebut, yang seaneh kepercayaan tentang burung berkenaan. Dihikayatkan pada suatu masa dahulu, terdapat seorang ibu yang dikurniakan cahaya mata setelah sekian lama menunggu. Pada suatu hari, ibu tersebut meminta anaknya membawakan ayak dari jirannya, tetapi dia terlambat pulang, maka dia memukulnya sehingga dia mati. Tidak seorang pun dari kalangan wanita di sekitar tempat itu datang untuk menyelamatkannya.

Disebabkan rasa sedih yang keterlaluan, ibu tersebut tiba-tiba berubah menjadi burung hantu, dan mula menasarkana mana-mana anak kecil, terutamanya setelah matahari terbenam. Apabila burung hantu itu melihat ayak atau mendengar seseorang meminta ayak, dia teringat akan kematian anaknya, maka dia berasa kasihan lalu beredar. Oleh itu, masyarakat Tunisia percaya bahawa kanak-kanak tidak boleh dibiarkan bersendirian, terutamanya bayi yang baru lahir, sebagaimana mereka percaya bahawa rumah tidak sepatutnya tidak mempunyai ayak (al-‘Atum, 2020).

Ada yang berpendapat bahawa cerita mengenai “burung keranda” ini dicipta oleh para ibu dan nenek terdahulu sebagai penjelasan kepada kematian tanpa sebab diketahui yang biasa berlaku kepada anak-anak kecil pada zaman dahulu (al-‘Atum, 2020). Ringkasnya, terdapat pelbagai mitos dalam budaya Arab yang bertemakan haiwan. Cerita-cerita sedemikian direka-reka sama ada untuk bagi memberi pengajaran yang tersirat atau menakutkan masyarakat agar mereka tidak melakukan sesuatu yang dianggap pantang dalam masyarakat tersebut. Sesetengah cerita rakyat tentang haiwan dalam masyarakat Arab mempunyai rasional di sebaliknya, manakala sebahagian yang lain hanya bertujuan untuk hiburan bagi mengisi masa lapang semata-mata.

## MAKHLUK KHAYALAN

Kepercayaan Arab juga tidak lekang daripada elemen-elemen makhluk mitos dan khayalan. Makhluk sedemikian diungkapkan dalam cerita-cerita rakyat yang diwarisi sejak zaman berzaman sehinggalah ke hari ini. Berikut beberapa contoh makhluk khayalan yang masyhur dalam kebudayaan Arab.

### Ghul

Antara kepercayaan karut dalam masyarakat Arab ialah *ghul*; iaitu sejenis makhluk halus khayalan. Ahmad Amin (2010) menyebut bahawa *ghul* merupakan salah satu kepercayaan dalam masyarakat Mesir. Hakikatnya, kepercayaan tentang *ghul* bukanlah sesuatu yang baharu, bahkan ia telah pun wujud sejak beribu-ribu tahun. Dalam kebudayaan Mesopotamia Purba, terdapat satu makhluk yang dinamakan *Gallu* yang dikatakan adalah asal-usul bagi *ghul* dalam kebudayaan Arab.

*Gallu* merupakan dewa alam kematian Akkad yang bertanggungjawab menculik dewa tanam-tanaman *Damuzi* atau *Tammuz* ke alam barzakh yang dikenali sebagai *Lindemans*. Disebabkan kota Akkad dan Sumer adalah berhampiran dengan padang pasir Arab, golongan Arab Badwi mungkin telah meminjam kepercayaan tentang *ghul* daripada warga Akkad (al-Rawi, 2009).

Makhluk *ghul* merupakan sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Arab jahiliah (Ali, 2001). Kisah tentang makhluk ini juga banyak disebutkan dalam sastera Arab dan Islam. Al-Asbahani (1987) memperihalkan *ghul* sebagai jin betina yang boleh berubah bentuk dan memperlihatkan dirinya di padang pasir bagi memperdaya dan memudaratkan pengembara. Al-Qazwini (1980) pula menukilkan cerita bahawa apabila syaitan ingin mencuri dengar di Syurga, Allah melemparkan meteor kepada mereka, lalu ada yang terbakar, jatuh ke dalam laut dan kemudian berubah menjadi buaya, manakala yang lain jatuh ke tanah dan berubah menjadi *ghul*.

Ibn Manzur (1990) pula menukilkan kisah masyhur tentang Khalifah Umar al-Khattab R.A membunuh seekor *ghul* setelah ia cuba menghalang perjalanan beliau dan menakutkan beliau dengan memusingkan kepalanya dengan satu pusingan penuh.

Dikatakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W sendiri mengesahkan kewujudan *ghul* dalam banyak riwayat. Misalnya, Ibn Kathir dalam tafsirnya menyebut bahawa *ghul* merupakan 'syaitan jin' dan memetik kejadian terkenal iaitu ketika Rasulullah S.A.W bertemu dengan sahabatnya Abu Dharr R.A di masjid, baginda menasihati Abu Dharr untuk berdoa agar terhindar daripada godaan syaitan manusia dan jin. Abu Dharr R.A pun terkejut mendengar Nabi mengesahkan kewujudan makhluk seperti ini, yang disebut oleh Nabi S.A.W sebagai *ghul* (Ibn Kathir, 1980).

Dalam riwayat yang lain, diceritakan bahawa Abu Ayyub al-Ansari R.A pernah meminta nasihat daripada baginda S.A.W kerana pohon-pohon kurmanya dimakan oleh beberapa *ghul*. Nabi SAW pun menyuruhnya agar mengatakan kepada *ghul* tersebut: "Dengan nama Allah, jawablah nabi Allah". Abu Dhar R.A pun menuruti nasihat baginda, dan *ghul* tersebut berjanji tidak akan kembali. Keesokan harinya, *ghul* tersebut kembali lalu berkata bahawa ia telah menipu. Setelah mengadu kepada nabi SAW, Abu Dhar R.A pun diminta agar membacakan Ayat Kursi, maka *ghul* tersebut langsung tidak kembali (Ibn Kathir, 1980; al-Kufi, 1988; al-'Asqalani, 1959).

Walaupun bagaimanapun, riwayat-riwayat yang mengaitkan nabi SAW dengan *ghul* disangkal dengan hadith sahih daripada Abdullah bin Jabir R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: "Tiada *ghul*" (Diriwayatkan oleh Muslim).

## Umm Himar

Antara perkara yang menjadi kebiasaan bagi ibu dan nenek di semua negara Arab pada masa lalu ialah menakutkan anak-anak mereka dengan makhluk mitos yang menggerunkan. Hal yang demikian disebabkan pelbagai faktor seperti mendisiplinkan anak-anak yang nakal dan suka membuat bising, mengelakkan mereka daripada keluar rumah sewaktu panas terik pada tengah hari untuk memelihara kesihatan mereka, mengelakkan mereka daripada diculik, menyuruh mereka tidur awal, atau menutup mulut mereka yang berkeras dalam permintaannya atau yang banyak soalnya (al-'Atum, 2020).

Antara mitos yang tersebar dalam kalangan masyarakat Bahrain ialah mitos tentang *umm himar* atau "ibu keldai", iaitu sejenis makhluk yang cacat, bahagian atasnya adalah kepala manusia, dan bahagian bawahnya adalah kaki keldai. Diceritakan bahawa haiwan ini tidak keluar kecuali pada waktu malam, ketika masyarakat lena dibuai mimpi, bersama sekumpulan anjing yang berlari di belakangnya, yang akan membaham dan memakan sesiapa yang keluar pada waktu itu (al-'Atum, 2020).

## Umm al-Sibyan

Terdapat sejenis makhluk khayalan yang dikenali sebagai *Umm al-Sibyan* (أم الصبيان) dalam cerita rakyat Yaman, dan ia terkenal di semua negara Arab dengan pelbagai nama. Di Iraq dan Syria, ia dikenali dengan nama *Su'lah* (سُعْلَاه). Makhluk ini dikatakan mempunyai anak yang bernama *Sa'id* menurut orang Yaman atau *Tantal* (طنطل) menurut kepercayaan orang Iraq dan Syria. Makhluk ini adalah jin yang boleh berubah bentuknya menyerupai manusia, dan cara untuk mengesahkan bahawa itu ialah *Umm al-Sibyan* adalah dengan melihat kepada kakinya. Sekiranya didapati kakinya itu dalam bentuk kuku keldai dan kuda, maka jelaslah itu makhluk jelmaan yang digelar "*Umm al-Sibyan*" (Faraj, 2021).

*Ghul*, *Umm Himar* dan *Umm al-Sibyan* adalah antara contoh masyhur bagi makhluk khayalan dalam mitologi Arab. Seperti masyarakat-masyarakat lain di dunia, masyarakat Arab juga tidak terkecuali dalam hal cerita-cerita mengenai makhluk dongeng dan rekaan. Masyarakat Arab pada zaman kuno mempercayai cerita-cerita berkenaan dan menganggapnya sebagai hakiki, namun segelintir masyarakat pada zaman moden masih mempercayai kewujudan hantu dan makhluk-makhluk khayalan lain yang tidak memiliki apa-apa asas dalam agama, sains mahupun pemikiran logik.

## PETANDA BAIK DAN BURUK

Antara elemen kepercayaan karut dalam masyarakat Arab ialah kepercayaan bahawa perkara-perkara tertentu boleh membawa petanda baik dan buruk, atau meramalkan sesuatu perkara pada masa hadapan. Sebagai contoh, masyarakat di Syria mempercayai bahawa kegatalan pada tangan mereka boleh membawa petanda yang baik atau buruk. Dikatakan bahawa kepercayaan ini berasal daripada kaum Celt dan Saxon pada zaman pra-Kristian di Eropah (Tapan, 2019).

Dalam masyarakat Syria, apabila mata kanan seseorang berdenyut, dia akan bersegera untuk mengatur dan mengemas rumahnya, kerana percaya tetamu yang berprestij dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat akan melawatnya, dan dia akan bersiap sedia untuk mendengar khabar gembira. Sebaliknya, jika mata kiri yang berdenyut, maka dia akan mempersiapkan dirinya untuk menerima berita buruk (al-'Atum, 2020). Kepercayaan yang mengaitkan denyutan mata kanan dengan petanda yang baik berasal daripada zaman Jahiliah, iaitu mereka mempercayai bahawa denyutan mata kanan menandakan seseorang akan dipertemukan dengan orang yang tersayang.

Walau bagaimanapun, masyarakat di sesetengah negara Arab mempercayai yang sebaliknya, iaitu denyutan mata kanan membawa petanda buruk, manakala denyutan pada mata kiri membawa petanda yang baik (Jamil, 2016). Di samping itu, mereka mempercayai bahawa desingan telinga boleh membawa petanda baik atau buruk. Mereka tidak menganggap desingan telinga itu satu khurafat, bahkan mengaitkannya dengan kepercayaan keagamaan. Jika telinga kanan berdesing, ia bermakna seseorang telah berkata sesuatu yang baik tentang dirinya, dan jika telinga kiri berdesing, maka ia bermakna seseorang telah berkata sesuatu yang buruk tentang dirinya. Atas sebab itulah mereka berdoa jika seseorang berkata sesuatu tentang dirinya dalam ketiadaannya: "Ya Allah, berikanlah kebaikan pada orang yang berkata baik tentang diriku, dan ampunkanlah orang yang berkata buruk tentang diriku" (al-'Atum, 2020).

Mereka juga mempercayai apabila kopi tumpah, atau cawan kosong pecah, ia sesuatu petanda baik. Mereka menuturkan ungkapan: "Kejahatan telah pecah" atau "kejahatan telah tumpah" apabila perkara sedemikian terjadi kepada mereka. Walau bagaimanapun, kaum wanita mungkin tidak bersetuju bahawa ia sesuatu petanda yang baik kerana lazimnya merekalah yang akan membersihkan kopi yang tumpah atau cawan yang pecah tersebut (al-'Atum, 2020).

Sementara itu, masyarakat di Yaman pula mempercayai bahawa melihat gigi gugur dalam mimpi ialah petanda seseorang akan bertemu ajal. Bahkan, menurut cerita rakyat Yaman, apabila gigi seseorang gugur dalam mimpinya, ia merupakan ramalan kematian ibu bapanya atau anggota keluarganya pada masa akan datang (al-Sufyani, 2021).

Di Iraq pula, ada yang mempercayai bahawa kegatalan pada pipi bermakna seseorang itu akan menerima tetamu. Sekiranya hidungnya pula yang gatal, ia bermakna dia akan mendapat hidangan ikan. Jika rambutnya jatuh pada lidahnya, ia bermakna dia akan menerima hadiah. Sementara itu, jika gigi seorang kanak-kanak berkertap semasa tidur, ia akan memendekkan umur ibu bapa kanak-kanak tersebut (Jamil, 2016).

Konsklusinya, terdapat pelbagai bentuk kepercayaan yang mengaitkan sesuatu perkara dengan petanda baik atau buruk dalam kebudayaan Arab. Semestinya kepercayaan sedemikian tidak masuk akal bagi mereka yang mempunyai pemikiran yang logik serta waras, namun tidak dinafikan bahawa ia masih dipercayai oleh segelintir masyarakat pada zaman moden. Kepercayaan sebegini bukan sahaja ditentang oleh sains dan rasional akal, bahkan ia juga membawa implikasi dari sudut keagamaan, dan perkara ini akan dibincangkan di bahagian yang seterusnya iaitu "Perspektif Islam".

## PERSPEKTIF ISLAM

Daripada perspektif teologi Islam, kepercayaan orang Arab sangat berkait rapat dengan amalan khurafat dan perkara-perkara yang mungkin menjejaskan akidah seseorang Muslim. Memandangkan majoriti besar orang Arab beragama Islam, adalah penting bagi kita untuk mengambil kira aspek kebudayaan Arab yang mungkin bertentangan dengan agama Islam. Apabila sesuatu amalan itu melibatkan sihir dan ilmu hitam sebagai contoh, maka sudah ternyata ia membawa kepada kekufuran dan sama sekali diharamkan dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam al-Quran, (surah al-Baqarah ayat 102):

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ۗ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ

Maksudnya:

Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir.

Selain itu, diriwayatkan daripada Imran bin Husayn bahawa Nabi S.A.W bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ تَطَيَّرَ أَوْ تَطَيَّرَ لَهُ، أَوْ تَكُهَّنَ أَوْ تَكُهَّنَ لَهُ، أَوْ سَحَرَ أَوْ سَحَرَ لَهُ، ... وَمَنْ أَتَى كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ، فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ ﷺ

Maksudnya:

Tidak tergolong dari kalangan kami (orang-orang yang beriman) mereka yang melakukan *ṭiyarah* (mendakwa sesuatu mendatangkan keburukan), tilik nasib, atau sihir, atau meminta agar dilakukan perkara-perkara tersebut untuknya dan barangsiapa yang datang kepada seorang tukang tilik nasib, lalu mempercayainya, maka sesungguhnya dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

(Diriwayatkan oleh al-Bazzar)

Penggunaan atau pemakaian tangkal dan azimat bagi menjauhkan diri daripada sihir, hasad dan seumpamanya boleh mencemarkan akidah kerana ia boleh membawa kepada syirik. Ini adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada 'Uqbah bin 'Amir bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَ

Maksudnya:

Barangsiapa yang menggantung /memakai tangkal atau azimat, maka dia telah berlaku syirik.

(Diriwayatkan oleh Ahmad)

Bagi menjauhkan diri daripada kejahatan seperti sihir, hasad dengki dan sebagainya, Islam telah mengajarkan kita agar mengamalkan doa-doa tertentu, dan bukannya dengan memakai tangkal dan azimat, atau mengamalkan perera-perkara yang tidak mempunyai sandaran dalam agama. Sebagai contoh, kita disarankan agar mengamalkan doa berikut:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya:

Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah SWT yang sempurna dari kejahatan makhluk.

(Ibn Baz, t.th.)

Begitu juga umat Islam diajar agar berlindung daripada segala bentuk kejahatan dengan membaca doa berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya:

Dengan nama Allah S.W.T, tidak akan dimudaratkan sesuatu pun yang berada di langit mahupun di bumi dengan nama-Nya, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui

(Ibn Baz, t.th.)

Sekiranya kita perhatikan pada sesetengah kepercayaan Arab, maka kita akan dapati bahawa ada yang mengandungi unsur-unsur keagamaan seperti al-Quran, zikir, doa dan sebagainya. Meskipun begitu, ia juga boleh menjejaskan akidah sekiranya ia bercanggah dengan syariah serta boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke dalam lembah *bid'ah* sekiranya ia melibatkan unsur tokoh tambah terhadap perkara-perkara ibadah. Diriwayatkan daripada °A'ishah R.A bahawa Nabi S.A.W bersabda:

مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ، فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya:

Barangsiapa yang mereka-reka sesuatu yang baharu dalam hal agama yang tidak berasal daripadanya, maka ia ditolak.

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Sementelahan itu, Nabi SAW juga jelas melarang amalan *bid'ah*. Ini dibuktikan melalui sabda baginda yang diriwayatkan daripada Jābir bin °Abdillāh R.A bahawa baginda S.A.W bersabda:

وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

Maksudnya:

Dan setiap *bid'ah* itu adalah sesat, dan setiap kesesatan akan membawa ke api neraka.

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Manakala petua karut-marut dan pantang-larang dalam masyarakat Arab yang tidak semestinya berkait secara langsung dengan perkara-perkara yang membatalkan akidah, maka ia boleh tergolong dalam perkara-perkara yang dikategorikan sebagai *tashā'um*, iaitu memandang buruk terhadap sesuatu atau mendakwa sesuatu sebagai pembawa petanda yang baik atau buruk tanpa dalil, ilmu pengetahuan dan pemikiran yang waras. Hukum *tasha'um* menurut pandangan ulama' juga secara umumnya adalah haram (al-Munajjid, 2007).

## PENUTUP

Mitos dan khurafat dalam kebudayaan Arab merupakan suatu topik yang menarik untuk didiskusikan. Hakikatnya, sesetengah kepercayaan Arab pada masa kini telah pun wujud semenjak zaman Jahiliah lagi, malahan dikatakan ada yang wujud lebih lama daripada itu, seperti Zaman Mesir Purba, Mesopotomia, bahkan Zaman Batu, walaupun kenyataan ini tidak dapat dipastikan kesahihannya atau dibuktikan melalui kajian-kajian ilmiah. Namun, tidak dapat disangkal bahawa kepercayaan Arab mempunyai asal-usul yang purba, dan semestinya memperoleh inspirasi daripada cerita-cerita dongeng yang diwarisi secara turun-temurun sejak zaman dahulu kala sehingga menjadi sebatian dengan kebudayaan masyarakat Arab.

Terdapat pelbagai bentuk kepercayaan orang Arab yang mendapat inspirasi daripada khurafat masyarakat Arab Jahiliah. Misalnya, masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan *tiyarah*, iaitu mengaitkan pergerakan burung dengan keupayaan meramalkan masa depan sama ada baik ataupun buruk (Ali, 2001). Hal ini berkait rapat dengan kepercayaan segelintir masyarakat Arab pada hari ini yang mengaitkan sesuatu perkara dengan petanda baik atau buruk.

Setelah kedatangan Islam pada abad ke-7 masihi di Semenanjung Hijaz, banyak perkara khurafat yang telah sekian lama diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyah dibasmi dan dimansuhkan. Namun begitu, banyak lagi kepercayaan khurafat yang menyelina ke dalam masyarakat Arab khususnya dan Islam umumnya, dan ia kekal diwarisi secara turun-temurun sehingga berkurun lamanya.

Terdapat bentuk-bentuk kepercayaan orang Arab yang dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya luar yang tidak berasal daripada masyarakat Arab itu sendiri. Salih (1979) menyatakan bahawa amalan memelihara diri daripada sihir menggunakan khidmat bomoh dan sebagainya berasal daripada era Firaun Mesir. Kepercayaan tentang *ghul* pula diambil daripada tamadun Mesopotamia (al-Rawi, 2009), dan pelbagai bentuk kepercayaan lain dipinjam daripada budaya masyarakat lain seperti Eropah, kaum Yahudi dan sebagainya (al-'Atum, 2020). Ada juga sesetengah kepercayaan Arab yang bersifat universal dan didapati dalam banyak budaya lain, misalnya mata hasad atau mata jahat yang dikenali dengan nama yang berbeza dalam setiap bahasa yang ditulis dan diketahui di dunia ini (Shaykhani, 1988).

Amalan dan kepercayaan khurafat dalam masyarakat Arab merupakan suatu isu yang tidak sewajarnya dipandang enteng dari sudut keagamaan. Usaha bagi membasmi perkara-perkara khurafat yang telah kian lama bertapak dalam kebudayaan masyarakat Arab haruslah bermula daripada sektor pendidikan bagi menyemai kesedaran dalam kalangan mereka tentang implikasi negatif pengamalan perkara-perkara tahyul terhadap akidah mereka. Manakala dari sudut pandang yang lebih liberal, masyarakat Arab, khususnya yang menghuni kawasan pedalaman, mestilah berpeluang untuk mendapatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti agar masyarakat terdidik dengan sains, pemikiran kritis dan ilmu pengetahuan lain yang dapat membangunkan minda, seterusnya membebaskan mereka daripada kepompong kejahilan yang menyebabkan mereka mempercayai kisah-kisah dongeng dan kepercayaan tahyul secara ikut-ikutan semata-mata.

Natijahnya, mempelajari tentang kepercayaan dan mitologi dalam budaya-budaya lain membolehkan kita untuk menambah ilmu pengetahuan dan meluaskan minda kita agar kita tidak terlalu jumud dan menjadi insan yang tidak mempunyai toleransi terhadap kepelbagaian bangsa dan kaum di atas muka bumi ini. Terdapat banyak lagi bentuk kepercayaan yang tidak disebutkan dalam penulisan ini, namun cukuplah sekadar ini sahaja beberapa contoh bagi memberikan kita sekilas pandangan mengenai kepercayaan orang Arab.

## RUJUKAN

- Ahmad Amin. (2010). *Qamus al-'Adat wa al-Taqalid wa al-Ta'abir al-Misriyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Ahmad Hanbal. (t.th.). *Musnad Ahmad*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- al-'Asqalani, Ibn Hajar Shihab al-Din Abu al-Fadl Ahmad Ali. (1959). *Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-'Atum, Amal. (2020). Al-khurafat al-yamaniyyah. <https://e3arabi.com/sociology> [3 Januari 2023].
- al-'Atum, Amal. (2020). Al-khurafat fi al-jaza'ir. <https://e3arabi.com/sociology> [8 Januari 2023].
- al-'Atum, Amal. (2020). Ashhar khurafat al-Suriyyah. <https://e3arabi.com/sociology> [2 Januari 2023].
- al-'Atum, Amal. (2020). Khurafah Bahrayniyyah: Khurafah umm himar. <https://e3arabi.com/sociology> [8 Januari 2023].
- al-'Atum, Amal. (2020). Khurafat iraqiyyah. <https://e3arabi.com/sociology> [2 Januari 2023].
- al-'Atum, Amal. (2020). Khurafat min Tunis. <https://e3arabi.com/sociology> [3 Januari 2023].
- al-Asbahani, Abu al-Sheikh. (1987). *al-'Azamah*. Jilid 5. Riyadh: Dar al-'Asimah.



- al-Basil, Maimunah. (2016). Khurafat yu'min biha al-iraqiyyun. Al-Arabi al-Jadid. <https://e3arabi.com/sociology> [2 Januari 2023].
- al-Bazzar, Abu Bakr Ahmad bin 'Amr. (t.th.). *Musnad al-Bazzar*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wal Hikam.
- al-Bukhari, Muhammad Ismail. (1993). *Sahih al-Bukhari*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Ali, Jawwad. (2001). *Al-Mufassal fi tarikh al-'Arab Qabl al-Islam*. Beirut: Dar al-Saqi.
- Buxton, R. (t.th.). Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/my> [24 Januari 2023].
- Diamond, M. (2018). 20 bizarre superstitions from around the world and the meaning behind them. <https://www.insider.com> [24 Januari 2023].
- Dundes, A. (1984). *Sacred narrative: Readings in the theory of myth*. University of California Press.
- Faraj, Mus'ab. (2021). Mawruthut khurafiyah min al-turath al-sha'biyy al-yamaniyy. <https://binbaz.org.sa/fatwas> [17 Januari 2023].
- Ibn Baz, Abdul Aziz Abdullah. (t.th.). Hukm ta'liq al-talasim wa al-huruz. <https://utusanv.com/2021/10/15/syaikh-ibnu-baz>.
- Ibn Manzur, Muhammad. (1990). *Mukhtasar tarikh dimashq li ibn 'Asakir*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Islam Su'al wa Jawab.(t.th.). <https://islamqa.info/ar/answers> [9 Januari 2023].
- Jamil, Hana Yafia Yousif. (2016). Superstitious folk beliefs in modern Iraq. *Contemporary Issues in Social and Natural Sciences*, 12(4), 127-131.
- Maghreb Voices. (2017). Al-tasfir yajib al-faqr 8 khurafat yusaddiquha al-magharibah <https://www.maghrebvoices.com> [3 Januari 2023].
- Marsa, Ahmad Ali. (2003). *Al-insan wa al-khurafah: Al-khurafah fi hayatina*. Kaherah: Al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kuttab.
- Mays, S. (2017). 13 superstitions from around the world. U.S. News & World Report. <https://www.usnews.com/news/best-countries/articles/2017-01-13/13-superstitions-from-around-the-world> [24 Januari 2023].
- al-Munajjid, Muhammad Salih. (2007). Khurafat min al-'awam fiha tasha'um bi husul makruh.
- Muslim al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Taibah.
- Qallwdall. (t.th.). <https://www.qallwdall.com> [3 Januari 2023].
- al-Qazwini, Zakariya. (1980). *Aja'ib al-makhlukat wa ghara'ib al-mawjudat*. Kaherah: Mustafa al-Halabi.
- Rafiq, Jalal. (2013). 10 Khurafat Yu'min biha al-Magharibah. <https://www.maghress.com> [3 Januari 2023].
- al-Rawi, Ahmed.(2009). The mythical ghouls in Arabic culture. *Cultural Analysis*, 8, 45-69.
- Salih, Abdul Mohsin. (1979). *Al-insan al-ha'ir bayn al-'ilm wa al-khurafah*. Kuwait: Alam al-Maarefa.
- Shaykhani, Samir. (1988). *Al-khurafat: Hal Tu'min Biha*. Beirut: Muassasat 'Izz al-Din.
- al-Sufyani, Isra'il. (2021). Ba'd al-Khurafat al-Sha'biyyah al-Yamaniyyah. Kabbos. <https://www.kabbos.com> [3 Januari 2023].
- Tapan, Miraç. (2019). Superstitions busted: Itchy palms. <https://www.dailysabah.com/life/2019/06/03/superstitions-busted-itchy-palms> [24 Januari 2023].
- Vyse, Stuart A. (2000). *Believing in magic: The psychology of superstition*. Oxford, England: Oxford University Press.
- Yusuf, Khalil. (2010). Al-Khurafah fi al-Mujtama' al-Kuwayti. <https://www.alayam.com> [9 Januari 2023].